

Surat khabar: Utusan Sarawak (Tempatan)
 Hari/Tarikh: 22/4/2016
 Muka surat: 8

Tajuk : RM80 juta bina pusat perubatan UNIMAS

8

JUMAAT • 22 APRIL 2016 • 14 REJAB 1437H •

TEMPATAN

Utusan Sarawak

RM80 juta bina pusat perubatan UNIMAS

MICHEAL SERING

KOTA SAMARAHAN: Kerajaan Pusat sudah meluluskan peruntukan sebanyak RM80 juta kepada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) bagi membina pusat perubatan di kampusnya yang akan menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk di bahagian ini.

Naib Canselornya, Profesor Dato Dr Mohamad Kadim Suaidi berkata pusat terbabit digelar Primary Care dan Day Care Centre tiada wad pesakit, tetapi mempunyai tiga bilik pembedahan dan dibuka setiap hari pada waktu pejabat.

"Pusat itu akan dibina di tapak berhampiran pintu masuk utama ke kampus UNIMAS pada tahun hadapan dan dijangka siap selewat-lewatnya 2020.

"Kos pembinaan pusat ini sebanyak RM80 juta diperuntukkan Kerajaan Pusat di bawah perbelanjaan pembangunan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10) dan diteruskan sekarang dalam RMK11," katanya selepas Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MOA) antara UNIMAS

dan Eye Specialist Centre (Kuching) Sdn. Bhd. di Kampus UNIMAS, di sini, semalam.

MOA itu membabitkan kerjasama pakar Jabatan Ophthalmology. UNIMAS bersama Eye Specialist Centre (Kuching) Sdn. Bhd. menjalankan lawatan perundingan, perkhidmatan klinikal dan pembedahan khususnya dalam pembedahan glaukoma, vitreoretinal atau retina bagi menambah baik perkhidmatan rawatan mata di negeri ini.

Menteri Muda Pembangunan Belia (Bandar) dan Menteri Muda Perumahan Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah menyaksikan majlis menandatangani MOU antara UNIMAS diwakili Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi manakala Eye Specialist Centre (Kuching) Sdn. Bhd. diwakili Pengarah Perubatannya, Dr Dennis Kong Ket Ming.

Kadim berkata pihaknya amat berterima kasih kepada kerajaan kerana meluluskan peruntukan pembinaan pusat terbabit yang menambah kemudahan latihan bagi pelajar jurusan kedokteran dan kejururawatan UNIMAS daripada

fakulti perubatan.

"Pusat ini juga akan digunakan bagi melatih pelajar perubatan (post graduate) UNIMAS menjadi doktor pakar kerana menjadi sebahagian projek pembinaan hospital pengajaran UNIMAS yang akah mempunyai sebanyak 300 katil pesakit selepas ini," katanya.

Beliau berkata, ketika ini kerajaan belum ada mengumumkan peruntukan bagi membina hospital pengajaran UNIMAS itu tetapi dengan pembinaan pusat terbabit sudah menandakan kerajaan berkemungkinan akan turut membina hospital itu di kampus UNIMAS.

"Hospital pengajaran dalam kampus UNIMAS terbabit akan dapat memberikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk bahagian Samarahan dan bahagian Serian kerana kedua-dua bahagian belum ada hospital umum," katanya.

Ketika ini bahagian Serian ada satu hospital daerah di pekan Serian, tetapi kemudahan hospital terbabit masih tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan penduduk bahagian itu dan bahagian Samarahan.

Kadim bagaimanapun tidak



TUKAR... Datuk Abdul Karim Rahman (empat dari kanan) menyaksikan Profesor Datuk Dr. Mohamad Kadim Suaidi (kiri) bertukar dokumen MOA antara UNIMAS dan Eye Specialist Centre (Kuching) Sdn Bhd dengan Dr Dennis Kong Ket Ming (kanan).

dapat memberikan kos pembinaan hospital pengajaran UNIMAS kerana masih dibincangkan dengan kerajaan dan berharap akan ada pengumu-

man mengenai peruntukannya daripada kerajaan tidak lama lagi.

Sementara itu, Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah ber-

kata, walaupun sibuk di kawasanannya (DUN Asajaya) menjelang pilihan raya negeri, beliau tetap mahu men-

gani MOA terbabit kerana kepentingannya iaitu menambah baik perkhidmatan rawatan mata kepada penduduk negeri ini.